

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**FPC 219 - Kimia Fisiologi**

**Masa: 3 jam**

---

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 13 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

.....2/-

**ANGKA GILIRAN .....**

4. Pemalar Michaelis-Menten ( $K_m$ ) suatu enzim yang memangkinkan tindak balas satu substrat
- ..... (a) bergantung kepada kepekatan enzim.
  - ..... (b) bergantung kepada kepekatan substrat.
  - ..... (c) merupakan kepekatan substrat pada halaju tindak balas maksimum.
  - ..... (d) merupakan kepekatan substrat pada setengah halaju maksimum suatu tindak balas.
5. Nilai  $pI$  (takat isoelektrik) bagi suatu asid amino dengan nilai  $pKa$  2.0, 3.9 dan 10.0 adalah
- ..... (a) 3.0.
  - ..... (b) 3.9.
  - ..... (c) 5.9.
  - ..... (d) 6.0.


**ANGKA GILIRAN .....**

8. Suhu lebur DNA meningkat dengan bertambahnya kandungan bes berikut:
- ..... (a) adenina + guanina  
..... (b) sitosina + timina  
..... (c) adenina + timina  
..... (d) sitosina + guanina
9. pH bendalir tubuh dikawal oleh sistem tampan. Larutan tampan yang manakah sangat berkesan pada pH fisiologi?
- ..... (a)  $\text{NH}_4\text{OH}$        $\text{pKa} = 9.24$   
..... (b)  $\text{NaH}_2\text{PO}_4$        $\text{pKa} = 7.21$   
..... (c)  $\text{CH}_3\text{CO}_2\text{H}$        $\text{pKa} = 4.74$   
..... (d) Asid sitrik       $\text{pKa} = 3.09$
10. Kebanyakan lintasan metabolismik dianggap sebagai anabolik ataupun katabolik. Lintasan yang manakah merupakan lintasan amfibolik?
- ..... (a) Glikolisis  
..... (b) Pengoksidaan- $\beta$  asid lemak  
..... (c) Kitar asid sitrik  
..... (d) Glukoneogenesis


.....6/-

**ANGKA GILIRAN .....**

14. Sebatian (I) dan (II) di bawah adalah sepasang




(I)



(II)

- ..... (a) epimer.
- ..... (b) anomer.
- ..... (c) enantiomer.
- ..... (d) diastereomer.

15. Kedua-dua gula berikut diikat melalui




- ..... (a)  $\beta$ 1, 6.
- ..... (b)  $\alpha$ 1, 6.
- ..... (c)  $\beta$ 1, 3.
- ..... (d)  $\alpha$ 1, 3.

**ANGKA GILIRAN .....**

19. Vitamin asid pantotenik adalah suatu juzuk bagi koenzim yang terlibat dalam

- ..... (a) pengoksidaan.
- ..... (b) penurunan.
- ..... (c) pendekarboksilan.
- ..... (d) pengasetilan.

20. Sebatian berikut adalah suatu




- ..... (a) bes purina.
- ..... (b) nukleosida.
- ..... (c) nukleotida.
- ..... (d) asid nukleik.

(20 markah)

..... 10/-

- II. (A) Bagi tindak balas di bawah



di mana E = enzim, S = substrat, P = hasil dan k = kadar tindak balas, tunjukkan bagaimana anda menerbitkan persamaan di bawah:

$$V_o = \frac{V_{\text{maks}} [S]}{K_m + [S]}$$

( $K_m$  = pemalar Michaelis-Menten)

Tunjukkan juga bahawa  $V_o = \frac{1}{2} V_{\text{maks}}$  apabila  $[S] = K_m$

(6 markah)

- (B) Dari data berikut bagi suatu tindak balas enzim, tentukan:

- jenis perencatan
- $K_m$  bagi enzim dan
- $K_1$  bagi kompleks perencat-enzim.

[Substrat] mM	Hasil per jam ( $\mu\text{g}$ )	
	Tanpa Perencat	Dengan 6mM Perencat
2.0	139	88
3.0	179	121
4.0	213	149
10.0	313	257
15.00	370	313

- (C) Bagaimana anda membezakan antara perencatan saingan dan perencatan tak bersaing (non-competitive)?

(6 markah)

.....11/-

IV. (A) Sel aerobik menghasilkan ATP secara fosforilasi substrat dan fosforilasi oksidatif. Bezaikan kedua-dua proses ini. Terangkan berapa ATP dihasilkan semasa peluluhanaerobik glukosa oleh setiap proses.

(8 markah)

(B) Hidrogen dari NADPH diperlukan untuk tindak balas penurunan bagi sintesis asid lemak. Huraikan lintasan yang menghasilkan sumber hidrogen untuk pembentukan NADPH tersebut.

(5 markah)

(C) Sel boleh mendapati tenaga daripada katabolisme aerobik beberapa sebatian. Tunjukkan berapa molekul ATP yang dihasilkan daripada satu molekul setiap sebatian berikut:

- i. Asetil KoA
- ii. Alanina
- iii. Asid glutamik

(7 markah)

V. (A) Apakah jasad-jasad keton? Terangkan bagaimana jasad-jasad keton terbentuk daripada asetil-KoA?

(8 markah)

(B) Jelaskan keadaan di mana kepekatan asetil-KoA adalah sangat tinggi.

(2 markah)

(C) Tulis nota ringkas terhadap:

- i. vitamin K
- ii. vitamin B<sub>1</sub> (tiamina)
- iii. vitamin C (asid askorbik)

(10 markah)

.....13/-